



Headline	RM103 Juta Bekal Susu Segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	18	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	291 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ramli Ibrahim	AdValue	RM 9,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,556



# RM103 juta bekal susu segar

» Seramai  
1.4j murid  
sekolah rendah  
sertai Ps1M

Oleh Ramli Ibrahim  
▪ Gua Musang

**K**ementerian Pendidikan membelanjakan RM103 juta bagi bantuan minuman susu segar menerusi Program Sekolah Susu 1Malaysia (PS1M) membabitkan 1.4 juta murid sekolah rendah seluruh negara tahun ini.

Sehubungan itu, kualiti bekal susu segar yang dibekalkan akan sentiasa dipastikan berkhasiat dan berkesan bagi memberi kecerdasan minda.

Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Murid Kementerian Pelajaran, Datin Rashidah Md Yusoff, berkata pihaknya memberi jaminan

bekalan susu segar oleh empat syarikat yang diiktiraf kementerian, bermutu tinggi.

Katanya, Kementerian Kesihatan juga sudah menyediakan laporan mengenai mutu susu segar yang dikeluarkan empat syarikat terbabit, sebelum Kementerian Pendidikan membenarkan edaran kepada murid.

Beliau berkata, perkara ini tidak boleh dipandang remeh, sebaliknya semua pihak bertanggungjawab menjaga mutu bekal susu segar supaya mencapai matlamat menjaga kesihatan murid sekali gus mencergaskan minda.

## Peruntukan besar

“Peruntukan besar disediakan kerajaan menerusi PS1M supaya murid yang minum susu segar lebih sihat dan cergas,” katanya selepas majlis PS1M di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Permai, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Hal Ehwal Korporat Dutch Lady Malaysia, Mohd Afizi Mohd Ross; Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan (JPNK), Rosnah Ibrahim dan Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Muhammad Zahari Othman.

Rashidah berkata, PS1M mulai dilancarkan kementerian tiga tahun lalu, tetapi kontrak empat pembekal, termasuk

Dutch Lady baru diadakan perjanjian persefahaman (MoU) pada Mei lalu dengan mengagihkan bekalan mengikut negeri.

## Bekal susu segar

Beliau berkata, Dutch Lady diberi tanggungjawab membekalkan minuman susu segar PS1M kepada murid sekolah rendah di Kelantan dan Terengganu membabitkan 232,414 orang.

“Di Kelantan saja seramai 150,319 murid mendapat faedah daripada program itu, termasuk murid Orang Asli di beberapa sekolah pedalaman Gua Musang,” katanya.



Headline	RM103 Juta Bekal Susu Segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	18	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	291 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ramli Ibrahim	AdValue	RM 9,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,556

